

Bab 7 _____

ERTI ZIKIR DAN KAITANNYA

DALAM memperkatakan ilmu, lazimnya dua perkara perlu diketahui iaitu erti atau makna yang diperolehi daripada bahasa dan istilah. Aspek ini juga disebut dalam bahasa Arab sebagai 'lughatan wastilahan'.

Demikianlah juga dalam rangka memahami makna Islam.

- Dari segi bahasa: Islam berasal dari kekata dasar '**salam**' iaitu sejahtera dan berserah/pasrah.
- Dari segi istilah: Islam ialah **ad-din** atau cara hidup/agama; mengikuti dan mematuhi apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw dari segi zahir dan bathin.

Bagaimana pula kaitan Islam dengan amalan yang disebut zikr (juga dieja 'zikir')?

- Dari segi bahasa: Zikir ialah melepaskan diri daripada lalai dan lupa dengan menghadirkan hati atau sedar secara berterusan. Sifat 'lupa' (Arab : Nisiyan) merupakan kata dasar kekata 'insan' (manusia). Oleh itu manusia merupakan makhluk yang lupa.
- Dari segi istilah: Zikr ialah menyebut nama sesuatu dengan hati dan lisan, baik menyebut nama Allah atau sifatNya atau hukumNya atau perbuatanNya atau menyebut nama para rasulNya, para nabiNya atau berbuat amal kebajikan seperti membaca Al-Quran, bertasbih, memberi nasihat dan sebagainya.

Zikr juga membawa ucapan tasbih, tahmid, tahlil dan menyebut nama-nama Allah yang mulia.

Zikir dapat dilaksanakan dalam beberapa keadaan. Adakalanya dengan lisan, dengan hati, dengan anggota dan juga dengan ucapan yang jelas. Dengan kesemuanya ini, seseorang dapat melaksanakan zikir itu dengan sempurna.

Dalam pengertian tasawuf, **Zikir** memaparkan pelbagai pengertian:

1. Sebutan atau lafaz seperti tahmid (Alhamdulillah), tahlil (La ilaha illallah), takbir (Allahu Akbar), tamjid (kata-kata pujian kepada Allah), istighfar, basmallah iaitu apa jua bentuk sebutan yang mengaitkan manusia dengan Pencipta-nya (Khaliq).
2. Menyebut dengan lisan dan hati akan sifat-sifat daripada Sifat Allah seperti Ar-Rahman (99 kesemuanya)
3. Melaksanakan hukum daripada hukum Allah
4. Melaksanakan perbutan daripada perbutan Allah
5. Memberi penghormatan kepada para rasul dan aulia dalam bentuk selawat dan salam
6. Membaca Quran kerana isi keseluruhannya adalah zikir
7. Puisi seperti syair (juga disebut syi'ir) yang ada hubungan dengan Allah seperti syair Jalalluddin Rumi, Mutannabi dll.
8. Syarahan atau ceramah yang ada kaitan dengan memuja Allah
9. Ibadah yang mengesakan Allah seperti zakat, puasa, haji.

PENGAMAL ZIKR

Pengamal zikr disebut zakir secara umum. Namun perlu dibuat pembezaan antara pengamal zikr kerana ada ayat Quran yang menyebut secara jelas proses berzikir yang dilakukan oleh individu lelaki (zakir), sekumpulan lelaki (zakirun), individu perempuan (zakirat) dan sekumpulan perempuan (zakiratun).

Sesiapa juga orang Islam yang berakal, bersih diri dan jiwanya boleh berzikir dengan tujuan mengagungkan Allah dan dalam rangka melaksanakan suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya (*amar ma'ruf nahi munkar*).

Secara khusus zikir berlaku dalam tiga bentuk iaitu **lisan** (lidah), **jinan** (di hati) dan anggota (gerakan atau **harakah**).

Berzikir dengan lisan adalah zikir yang dilaksanakan dengan pergerakan lidah tanpa diikuti dengan kehadiran hati. Zikir ini termasuk zikir secara zahir. Keutamaannya banyak sekali, seperti yang disebutkan dalam Al-Quran, Sunnah dan Atsar. Diantaranya, ada yang terikat dengan masa ataupun tempat dan ada pula yang tidak.

Zikir juga terkait dalam tiga perkara:

- Muqayat: kaitan masa (zaman) dan tempat (makam) seperti ketika bersolat, melakukan tawaf dalam pelaksanaan haji, zikir sebelum tidur, setelah bangun dari tidur, sebelum makan, setelah makan, ketika menaiki kenderaan, zikir ketika pagi hari, petang dan sebagainya.
- Mutlaq: tiada kaitan masa dan tempat seperti menyebut subhanallah bila-bila dan di mana jua.
- Munajat: zikir yang dilakukan dalam bentuk doa – meminta kepada Allah agar harapan seseorang dimakbulkan.

Dalam pengertian tasawuf, zikir membawa dua kesan: pertama, kebaikan (**hasanah**) dan juga **darajat** (peningkatan taraf seseorang di sisi Allah).

Zikir demi kebaikan biasa berlaku dalam majlis tahlil atau ketika selepas solat. Yang menjadikannya sebagai peningkatan darjat ialah apabila zikir dilakukan dalam disiplin tasawuf.

JALAN MENUJU ALLAH

Hubungan manusia dengan Penciptanya (HablumminAllah) merupakan teras utama kehidupan. Menurut para ahli sufi, apabila tiada seorang pun Muslim yang mengamalkan dan mengutamakan teras ini, maka bermulalah Kiamat. Oleh itu, zikir merupakan antara cara mengisi teras ini.

Cara ini disebut 'mendekati' (qarib) atau **taqarrub**. Apabila seorang insan dekat kepada Khaliqnya, ia akan merasa dan mengetahui akan Allah (**makrifatullah**). Perjalanan mendekati Allah (**suluk**) ibarat membuka pintu demi pintu (**bab**). Si pelaku atau murid tasawuf itu dipanggil **salik**. Jelaslah proses ini tidak dapat disamakan dengan 'bersatu' dengan zat Allah yang membawa maksud yang salah dari segi **syariat**. **Hal ini ditegah sama sekali**. Sesungguhnya manusia tidak dapat menyamakan dirinya dengan Penciptanya.

Dari segi tasawuf, ada empat bahagian zikir:

- **Murasalah**: Zikir dengan lisan saja sebagai jalan permulaan (bidayah)
- **Muamalah**: Zikir dengan hati (**qalb**) dan lisan dalam rangka suluk.
- **Muasolah**: Zikir dengan lisan, qalb dan **ruh** dalam rangka menempati si pengamal (zakir) sebagai ahli qurub (seorang yang mendekati dirinya kepada Allah)
- **Munazalah**: Zikir dengan lisan, qalb, ruh dan **sirr** (rahsia dalam lubuk hati yang tidak dapat dijangkau) dalam rangka mendapatkan keredhaan Allah.

Dimanakah hati atau qalb?

Dalam sepotong hadis, Rasulullah berpesan bahawa dalam tubuh manusia ada seketul daging, yang jika ia baik, maka baiklah seluruh diri manusia itu dan begitu pula sebaliknya. Daging itu dipanggil qalb atau hati.

Dalam tasawuf, memang tiada penunjuk apakah hati (liver) itu qalb, tetapi ia merupakan suatu yang dirasakan. Misalnya, manis limau tidak serupa manis belimbing. Rasa itulah merupakan qalb. Namun ada saintis menyatakan bahawa ada organ yang terselindung di balik perut. Organ tadi mempunyai jumlah saraf seakan-akan otak dan ia tampaknya menguasai seluruh tubuh. Dalam bahasa Inggeris ia disebut 'gut' (seperti ungkapan 'my gut feeling'). Wallahua'lam.

Apakah pula sirr atau rahsia?

Sirr lebih abstrak daripada qalb. Ia merupakan rahsia yang tidak terucap tetapi tersimpan di dalam lubuk qalb. Hanya Allah saja yang mengetahui sirr sedang para malaikat (termasuk Raqib dan A'tid yang mencatat segala perilaku manusia) juga tidak mengetahuinya.

Dalam suluk, perjalanan salik akan membawanya mendekati Allah di dalam sirr. Jika ini tercapai, ia merupakan satu pencapaian tertinggi dan amat luar biasa. Ketika ini berlaku, murid atau salik tadi mengalami proses **fana'** iaitu peleburan – ibarat kembali menjadi debu iaitu asal-muasal kejadian manusia. Pada tahap inilah salik mengenal dirinya bak ungkapan terkenal:

Barangsiapa mengenali akan dirinya,

Nescaya ia mengenali akan Tuhannya

[*Ungkapan ini disebut dalam banyak syair sufi seperti dalam syair Perahu karya Hamzah Fansuri dari Aceh, pada abad ke-17 Masehi)

Apabila seseorang itu telah mengenali Tuhannya, perjuangannya tidak lagi bersendirian tetapi diiringi oleh Allah seperti halnya ketika para pejuang Islam bertempur dalam Perang Badr. Allah menyebut bahawa segala panahan dan gerakan lembing merupakan bantuan daripada-Nya.

Peringkat fana' itu membawa murid atau salik dalam tahap **ahlul fana'**, iaitu peringkat tertinggi dalam amalan zikir.

FIKIR DAN ZIKIR

Dalam mencari kebenaran (haqiqat) kewujudan, manusia cuba menggunakan rasio (akalnya). Kisah klasik ialah proses Nabi Ibrahim cuba membezakan antara amalan nenek-moyangnya dengan keesaan Ilahi.

Nabi Ibrahim tertanya-tanya apakah berhala yang dibentuk oleh bapanya itu wajar disembah, bukankah bintang, bulan dan matahari lebih hebat. Akhirnya Nabi Ibrahim mendapati bahawa semua itu tiada tandingannya dengan Allah yang mencipta segalanya.

Namun proses Nabi Ibrahim mendapat makrifat (arif atau mengetahui zat Allah) kerana adanya petunjuk daripada Allah. Jika tidak, Ibrahim akan tersesat. Itulah sebabnya banyak ahli fikir yang tersesat iaitu daripada mencari kebenaran hakiki iaitu Allah, ia tersadai kepada kesimpulan yang menafikan Pencipta seperti halnya dengan Karl Marx, Charles Darwin, Bertrand Russel dll.

Dalam mengembangkan dakwah, Nabi Muhammad saw mengajar pengikutnya agar berzikir iaitu mengingati bahawa adanya Allah. Hal ini terjadi kepada Bilal ibn Abu Rabah yang disiksa oleh tuannya. Bilal tidak dapat menjelaskan erti Allah, tetapi hanya tahu menyebut 'Ahad' (Yang Satu/Esa) sehinggalah nyawanya ditebus oleh Abu Bakar ra.

Jadi berzikirlah dulu, barulah kemudian berfikir.

KESAN ZIKR

Sungguh besar kesan zikir. Sukar sekali menjelaskan faedahnya secara perinci. Namun cukuplah digariskan di sini kesan-kesan itu adalah seperti berikut :

Dalil-dalil dianjurkannya berzikir (Dari Al-Quran)

- *Allah berfirman : “ Maka ingatlah kepadaKu, akan Aku mengingat kepadamu.” (QS. Al Baqarah : 152)*
- *“ Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang maka terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, (yaitu) orang-orang yang mengingat Allah ketika berdiri mahu pun duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi.” (QS. Al Imran: 190-191)*
- *“Hai orang – orang yang beriman berzikirlah kamu (dengan menyebut nama) Allah, zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepadaNya di waktu pagi dan petang.” (QS. Al Ahzab : 41-42)*
- *“Laki – laki dan perempuan yang banyak menyebut (nama) Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka ampunan dan pahala yang besar.” (QS. Al Ahzab : 35)*
- *“(Yaitu orang-orang yang beriman maka hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ketahuilah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram.”(QS. Ar Radu : 28)*
- *“Dan sebutlah (nama) Tuhanmu sebanyak-banyaknya serta bertasbihlah di waktu petang dan pagi hari.” (QS Al Imram :41)*
- *“Sebutlah nama Tuhanmu, dan beribadahlah kepadaNya dengan penuh ketekunan.” (QS Al Muzammil : 8)*
- *“Sebutlah nama Tuhanmu pada waktu pagi dan petang.” (QS Al Insan : 25)*

- ☞ “Dan sesungguhnya mengiingati Allah adalah lebih besar keutamaanya.” (Al Ankaboot : 45)

DALIL DARI SUNNAH

- ☞ *Dari Abu Musa ra katanya, Rasulullah saw bersabda :*
 “Umpama orang yang mengingati Tuhannya dan orang yang tidak mengingati Tuhannya ibarat orang yang hidup dan orang yang mati”
- ☞ “Sesungguhnya Allah memiliki sejumlah malaikat yang tugasnya hanya berkeliling di jalan-jalan untuk mencari tempat-tempat bagi orang-orang yang berzikir. Dan jika mereka melihat ada sekelompok orang yang berzikir, maka mereka memanggil kawan-kawannya untuk mendatangi tempat itu. Maka Para malaikat turun ke langit dunia dengan menaungi majlis zikir itu dengan sayap-sayap mereka. Sekembalinya, mereka ditanya oleh Tuhan mereka padahal Dia Maha Mengetahui lebih dari mereka.

Tanya Allah : “Apa yang diucapkan oleh hamba-hambaKu itu?”

Jawab para malaikat : “Mereka sedang bertasbih, bertakbir, bertahmid dan bertamjid untukMu.”

Tanya Allah : “Apakah mereka pernah melihatAku?”

Jawab para malaikat : “Mereka belum pernah melihatMu.”

Tanya Allah : “Bagaimanakah kalau mereka pernah melihatKu?”

Jawab para malaikat : “Kalau mereka pernah melihatMu, pasti mereka akan bertambah banyak memujiMu.”

Tanya Allah : “Apa yang mereka minta?”

Jawab para malaikat : “Mereka meminta dimasukkan kedalam syurgaMu.”

Tanya Allah : “Apakah mereka pernah melihat syurgaKu?”

Jawab para malaikat : “Mereka belum pernah melihatnya.”

Tanya Allah : “Bagaimana kalau mereka pernah melihatnya?”

Jawab para malaikat : “Jika mereka pernah melihatnya tentu mereka akan lebih banyak memintanya.”

Tanya Allah : “Dari apa mereka mohon perlindungan?”

Jawab para malaikat : “Mereka mohon perlindungan dari siksa api neraka.”

Tanya Allah : “Apakah mereka pernah melihatnya?”

Jawab pada malaikat : “Mereka belum pernah melihatnya.”

Tanya Allah : “Bagaimana kalau mereka pernah melihatnya?”

Jawab para malaikat : “Jika mereka pernah melihatnya, pasti mereka akan lebih banyak mohon perlindungan daripadanya.”

Kata Allah : “Ketahuilah dan saksikanlah bahawa Aku telah memberi ampunan kepada mereka.”

Kata seorang dari para malaikat : “Di antara mereka ada seorang yang tidak ikut berzikir, ia datang kerana ada suatu hajat.”

Kata Allah : “Orang-orang itu tidak akan membawa sengsara kepada kawan duduknya.” (HR Tirmidzi, Ahmad, Al Baihaqi dan Ibnu Syahin)

- *Dari Anas ra bahwa Rasulullah saw bersabda :*
 “Jika kamu sedang melewati kebun-kebun syurga, maka singgahlah ke dalamnya.” Tanya para sahabat : “Apa yang engkau maksud dengan kebun-kebun syurga, wahai Rasulullah?” Sabda beliau :” Ia adalah majlis-majlis zikir.” (HR Tirmizi dan menilainya Hasan, Ahmad, Al Baihaqi dan Ibnu Syahim)
- *Abu Hurairah menuturkan bahwa Rasulullah saw bersabda:*
 “Orang-orang **Mufradun Al Mustahjarun** adalah orang-orang yang paling beruntung , mereka selalu berzikir kepada Allah, dosa-dosa mereka diringankan oleh banyaknya zikir mereka, sehingga mereka menemui Allah dalam keadaan bersih dari segala dosa” (HR Tirmidzi dan Thabrani)
- *Abu Sa’id Al Khudri menuturkan bahwa Rasulullah saw bersabda :*
 “Hendaklah kamu banyak berzikir kepada Allah, sehingga orang-orang mengatakan bahwa kamu telah gila.” (HR Al Hakim dan menilainya sah, Ahmad, Ibn Hibban dan Al Baihaqi)
- *Dari Abu Darda’ ra bahwa Rasulullah saw bersabda :*
 “Mahukah kamu kukhabarkan akan suatu amal kebajikan yang paling baik bagi kamu, paling meningkatkan kedudukan kamu, paling disenangi oleh Tuhanmu, bahkan lebih baik dari menafkahkan emas dan perak dan lebih mulia daripada perang dengan musuh-musuh kamu, baik ketika kamu kalah atau ketika kamu menang?” Jawab mereka : “ Mahu, wahai Rasulullah.” Sabda beliau: “Berzikirlah kepada Allah sebanyak–banyaknya.” (HR, Muslim, Tirmidzi, Ibn Majah.)

- *Dari Mu'adz ibnu Jabal bahwasanya Rasulullah saw bersabda:*

“Tidak suatu amalan pun yang dikerjakan oleh anak Adam yang dapat menyelamatkan dirinya dari siksa Allah yang melebihi daripada amalan zikir (kecuali dengan berzikir) kepada Allah.” Dalam riwayat lain disebutkan: Tanya mereka : “Apakah berjihad di jalan Allah tidak menyamainya, wahai Rasulullah?” Sabda beliau : “Tidak juga, kecuali jika mereka yang berjuang berperang mati-matian sehingga senjatanya terputus-putus.”(3 kali) (HR. Thabrani di dalam Al Kabiir dan Al Ausat dan Ibn Abi Syaibah)

KEUTAMAAN BERZIKIR

- *Dari Abu Hurairah ra, dari Abu Sa'id Al Khudri ra bahwa Rasulullah saw bersabda :*

“Tiada suatu kaum berzikir kepada Allah kecuali para malaikat akan mengelilingi mereka, rahmat akan meliputi mereka, ketenangan akan turun kepada mereka, dan mereka akan disebut – sebut oleh Allah di antara para malaikat.” (HR Muslim, Tirmidzi, Ahmad, Ibn Majah)

- *Dari Ibn Umar ra bahwa Nabi saw pernah menyampaikan Hadis Qudsi:*

“Seorang yang lebih sibuk berzikir kepadaKu dari memohon kepadaKu, maka Aku akan memberikannya sesuatu yang lebih utama dari yang pernah diminta oleh para peminta.” (HR Bukhari, Al Bazzar, Al Baihaqi.)

- *Dari Abu Said Al Khudri ra, katanya :”Rasulullah saw pernah menyampaikan Hadis Qudsi:*

“Seorang yang lebih sibuk membaca Al-Quran dan berzikir dari minta kepadaKu, maka Aku akan

memberinya sesuatu yang *lebih utama dari apa yang telah diminta oleh para peminta.*” (HR. Ad Darimi, Tirmidzi, Al Baihaqi)

➤ *Dari Abu Said Al Khudri ra katanya : “Nabi saw bersabda :*

“Di hari kiamat kelak Allah berfirman : “Pada hari ini penduduk Mahsyar akan mengetahui, siapakah orang-orang yang diberi kemuliaan?” Tanya para sahabat : “Wahai Rasulullah, siapakah mereka?” Sabda beliau : “Mereka adalah orang-orang yang suka berzikir di masjid-masjid.” (HR Ahmad, Al Baihaqi dan Ibn Hibban)

➤ *Dari Mu’awiyah ra katanya :*

“Nabi saw pernah mendatangi sekelompok sahabat yang sedang duduk di Masjid, seraya berkata : “Apa yang menyebabkan kamu duduk di sini?” Jawab para sahabat: “Kami duduk di sini untuk berzikir dan memuji Allah.” Sabda Nabi saw : “Tadi Jibril datang kepadaku dan memberitahuku bahwa Allah sangat berbangga dengan kamu di hadapan para malaikat.” (HR Tirmidzi)

➤ *Dari Anas ra katanya, Nabi saw bersabda :*

“Tiada suatu kaum yang berkumpul dan berzikir kepada Allah kecuali ada seruan dari langit yang mengatakan : “Berdirilah kamu kerana dosa-dosa kamu telah diampuni dan telah diganti dengan banyak kebajikan.” (HR Ahmad, Abu Ya’la dan Thabrani)

➤ *Dari Abu Razin Al ‘Uqaili ra katanya, Rasulullah saw pernah berkata kepadanya :*

“Mahukah engkau aku tunjukkan sesuatu yang dapat menyebabkan engkau mendapati kebahagiaan di dunia dan di akhirat?” Jawabnya : “Ya, aku mahu.” Sabda beliau : “Hendaknya engkau menghadiri majlis – majlis

zikir, dan apabila engkau bersendirian maka gerakkanlah lidahmu dengan berzikir kepada Allah”.

MANFAAT BERZIKIR

- *Berzikir mengusir dan menghancurkan syaitan*
- *Berzikir menyebabkan Allah redha kepada yang berzikir*
- *Berzikir menghilangkan kerisauan hati*
- *Berzikir mendatangkan rasa senang di dalam hati*
- *Berzikir meningkatkan potensi hati dan badan*
- *Berzikir menambah cahaya pada wajah dan hati*
- *Berzikir mendatangkan rezeki*
- *Berzikir menambah wibawa pada peribadi yang gemar berzikir*
- *Berzikir menyebabkan Allah cinta kepada yang selalu berzikir*
- *Berzikir meningkatkan taqarrub kepada Tuhannya*
- *Berzikir menambah rasa mawas diri sampai ia dapat masuk ke pintu ihsan, sehingga ia dapat menyembah Allah dengan perasaan seolah-olah ia sedang melihatNya.*
- *Berzikir menambah rasa kembali kepada Allah*
- *Berzikir membuka selebar-lebarnya pintu-pintu ma'rifat*
- *Berzikir menyebabkan Allah mengingat yang berzikir*
- *Berzikir menghidupkan hati seseorang*
- *Berzikir memberi makan kepada hati dan roh*
- *Berzikir menambah kebersihan hati*
- *Berzikir menggugurkan dosa-dosa*
- *Berzikir menghilangkan rasa sepi*
- *Berzikir menyelamatkan seseorang dari siksa Allah*

- *Berzikir menyebabkan turunnya ketenangan dan rahmat*
- *Berzikir mendatangkan para malaikat di majlis-majlis zikir*
- *Berzikir memberi rasa bahagia kepada yang berzikir*
- *Berzikir memberi keamanan pada seseorang di hari kiamat*
- *Berzikir mendapat kurnia Allah yang lebih besar daripada kurnia yang diberikan kepada orang-orang yang meminta*
- *Berzikir merupakan ibadah yang paling ringan dan paling utama*
- *Berzikir menambah tanaman di syurga*
- *Berzikir mendatangkan berbagai keutamaan bagi pelakunya*
- *Berzikir menghindarkan seseorang itu daripada lupa yang dapat membawa kesengsaraan di dunia dan di akhirat*
- *Berzikir memberi cahaya bagi pelakunya ketika di dunia dan ketika di dalam kuburnya.*
- *Berzikir membangunkan hati daripada lalai*
- *Berzikir membuahkannya pengetahuan –pengetahuan yang berguna*
- *Berzikir menyebabkan kebersamaan antara pelakunya dengan Tuhanya.*
- *Berzikir menyamai dengan membebaskan kaum abdi dan menafkahkan harta.*
- *Berzikir merupakan puncak syukur kepada Allah.*
- *Berzikir melunakkan kekerasan hati*
- *Berzikir mendatangkan anugerah dan mencegah malapetaka*
- *Berzikir menyebabkan Allah dan para malaikatNya berselawat atas pelakunya.*
- *Berzikir menyebabkan Allah membanggakan pelakunya di depan malaikat*

- *Seseorang yang gemar berzikir dapat masuk syurga sambil ketawa*
- *Berzikir memberi potensi untuk taat*
- *Berzikir memberi potensi dan kemahuan keras*
- *Gedung-gedung di syurga terus dibangun selama seseorang itu masih berzikir*
- *Berzikir menyebabkan para malaikat memohonkan ampun bagi pelakunya*
- *Berzikir menyebabkan gunung-gunung dan lembah-lembah bergembira*
- *Memperbanyak zikir menyebabkan terjauh daripada sifat munafik*
- *Berzikir menyebabkan rasa lazat di hati pelakunya, kerana itu majlis-majlis zikir disebut kebun-kebun syurga*
- *Berzikir di jalan, di rumah, di waktu bepergian mahu pun di waktu menetap akan menjadi saksi bagi pelakunya di hari kiamat*
- *Pelaku zikir diberi wajah yang cerah ketika di dunia dan diberi cahaya ketika di akhirat*
- *Berzikir menyebabkan Allah mengakui keimanan seorang hamba*
- *Berzikir menyebabkan seorang mendapat keuntungan berlimpah-limpah*
- *Berzikir di waktu senang menyebabkan Allah memperhatikan pelakunya di kala susah*
- *Berzikir menyembuhkan hati yang sakit*

Proses zikir membawa kepada pensucian diri dan qalb, mendekatkan diri kepada Allah, membentuk semangat persaudaraan Islam, membersihkan dosa, mengikis sifat cela dan membina sifat terpuji.

Hadis menyebut 53 kebaikan (hasanah) zikir.

Namun apakah sebutan **zikir yang paling mulia?**

Saidina Ali *ra* telah bertanyakan Rasulullah – apakah cara paling mulia, mudah dan cepat dalam mendekati diri kepada Allah *swt*. Nabi *saw* menyebut kalimat '**La Ilaha Illallah**' kerana tiang arasy dan segala ciptaan Allah terdiri atas kalimah ini. Para ahli hadis/sufi menyatakan apabila kalimah ini tidak disebutkan lagi oleh orang Islam, maka bermulalah kiamat. Daripada Saidina Ali, maka bermulalah segala amalan sufi. Ini memandangkan kedudukan Ali *ra* sebagai 'pintu' kepada ilmu kerohanian Nabi Muhammad *saw*.

Kalimah '**La Ilaha Illallah**' mengandungi seluruh tasbih, tahmid dan takbir atau segala pujian kepada Allah SWT.

Berzikir akan mendorong tubuh bergerak atau harakah secara semulajadi. Hal ini sukar dijelaskan. Dalam tasawuf, harakah ini disusun begitu rupa sehingga menimbulkan rentak berbaris demi proses taqarrub.

IRINGAN ZIKIR DAN SELAWAT

Di masjid mana jua akan ada keberkahan Allah *swt* selagi dua perkara dilaksanakan, iaitu pertama pelbagai amalan zikir (solat, membaca Quran, wiridan dan sebagainya) dan kedua, adanya amalan selawat (misalnya Dibai'e atau sekadar bemarkahab).

Apabila dua kegiatan asas dalam ruang solat ini dilaksanakan, maka kita akan merasa ketenteraman dalam sesebuah masjid. Ketenteraman ini bukan saja kerana suasana tenang di dalamnya walaupun masjid itu berada di kawasan sibuk seperti di tengah bandar, tetapi yang utama ialah rasa tenang dalam jiwa jemaah

atau pengunjung yang bersolat atau berada dalam jangka masa tertentu (beriktikaf) di dalam masjid tadi.

Zikir dan selawat mempunyai semacam rentak atau ritme (rhythm) yang menenangkan jiwa dan membuka hati insan kepada alam rohani. Konsep rentak ini bak denyutan yang memenuhi alam.

Dalam alam rahim, si bayi didodoikan oleh denyutan nadi ibunya. Tetapi apakah rentak nadi ibunya itu tidak tenang, ia akan membawa reaksi kepada si bayi. Muzik juga mempunyai rentak yang menenangkan atau menimbulkan gejalak perasaan.

Tetapi zikir dan selawat merupakan suatu 'fitrah' iaitu unsur semula jadi yang berasal daripada Allah *swt*. Dialah yang menciptakan seluruh alam dan menentukan rentak dalam pergerakan cakerawala, angin, ombak sehinggalah pada setiap ciptaannya. Sesungguhnya setiap ciptaan Allah *swt* itu berzikir. Dalam atom iaitu unit terkecil yang juga disebut 'zarah' (dalam bahasa Quran) ada zikirnya iaitu pada pergerakan atau harakah elektron.

Rohani kita merupakan unsur ghaib. Keimanan atau rukun Iman merupakan kepercayaan kita kepada hal-hal ghaib iaitu yang tidak terlihat dan terjangkau oleh deria kita.

Namun maha suci Allah *swt*, Dia telah memberikan manusia ruh (ruh rabbani). Sesungguhnya manusia merupakan ciptaan Allah *SWT* yang sebaik-baiknya.

Alam ghaib dapat dianggap sebagai satu dimensi tidak ketara yang dekat dengan hakikat atau realiti kehidupan. Apabila seseorang Islam banyak melaksanakan zikir dan selawat, dimensi ini akan lebih mendekatinya. Jiwanya akan merasa akrab (taqarrub) kepada dimensi yang membawanya dalam perjalanan menuju Penciptanya. Inilah teras *Hablum minAllah*.

Hati merupakan pintu yang akan membuka jalan ke arah alam ruh. Zikir dan selawat bak kunci pembuka hati atau dalam istilah tasawufnya, **Miftahus-shudur**.

Namun sebelum menuju perjalanan tadi, ada beberapa syarat yang perlu dipenuhi.

SYARAT PERJALANAN

Pertama sekali seseorang itu hendaklah membebaskan dirinya daripada belenggu kebendaan sebagai prasyarat sebelum memulakan kembara menuju jalan Allah *swt*.

Sesungguhnya hidup di dunia memerlukan kebendaan – makan minum, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya. Namun ini semua adalah keperluan untuk hidup dan BUKAN tujuan hidup. Quran menggalakkan orang Islam berlumba dan bersaing (*sabbiqus* dan *sari'u*) ke arah kecemerlangan dalam mencari kekayaan dan ilmu selepas menunaikan suruhan Allah *swt*. Namun, tujuan setiap makhluk hidup kerana hendak mengabdikan diri kepada Allah *swt*.

Apabila kita menolak ketaksuban terhadap kebendaan dan tujuan hidup kita ditujukan kepada dan untuk Allah *swt*, fikiran kita akan terhala kepadaNya. Inilah teras zikir, iaitu mengingatiNya dalam setiap detik dan helaan nafas. Hati akan merasa lezat atau nikmat kerana mendekati Allah *swt*. Apabila ini berlaku roh dan jasmani manusia menjadi lebih mesra dan begitu juga dengan reaksinya terhadap alam.

Sekadar contoh, kita menikmati indahnya sinaran bulan purnama, tiupan bayu, sinar suria dan kicauan unggas. Nikmat ini disampaikan menerusi deria (mata, telinga, bau, rasa dan sentuh) dan tertancap dalam otak kita. Namun nikmat yang lebih besar ialah apabila kehadiran unsur-unsur menyelinap dalam jiwa kita atau rohani. Hasilnya deria dalam jiwa atau roh kita yang dipanggil ***bashirah*** akan hidup.

Apabila bashirah hidup, keindahan unsur-unsur alam tadi tidak dilihat sekadar indah pada luarannya, tetapi betapa indahnya Penciptanya. Keindahahan Pencipta merupakan sebesar-besar nikmat yang diperolehi oleh yang dicipta iaitu manusia.

Peranan bashirah dalam hal ini bak persamaan matematik:

Bashirah = f(deria, hati, rahsia hati).

Keindahan Allah *swt* dalam dua bentuk yang disebut dalam ***asma-ul-husna*** (nama-nama agung Allah) yang kesemuanya 99 yang tercatat dalam al-Quran. Dua daripada sifat tadi yang merujuk kepada keindahan ialah ***Jamal*** dan ***Jalal***.

Jamal bermakna indah; sedangkan ***Jalal*** bererti agung. Manusia boleh bersifat ***jamal*** dengan berpakaian indah, bersopan santun yang indah, suka pada kesenian yang dibolehkan Islam dan sebagainya. [Namun manusia tidak boleh bersifat ***jalal*** kerana ia merupakan sifat Rubbubiyah]

[**Catatan:** Berfikir merupakan salah satu ciri kebijaksanaan atau cendekia. Pengasas falsafah moden Barat, Rene Descartes, berkata '*corgito ergo sum*' (Bahasa Latin yang bermaksud: Aku berfikir maka aku wujud/hidup). Namun pemikiran Descartes bersifat keperluan dunia dan terputus daripada hala tuju Ilahi.]

Manusia Islam adalah insan pasrah yang berfikir atau berakal. Sesungguhnya 'berakal' adalah salah satu syarat bagi melaksanakan rukun Islam (syariat). Hayatilah maksud firman Allah *swt*, maksud ayat ini antara lain pernah membuat Nabi Muhammad *saw* menangis tersedu-sedu:

"Sesungguhnya pada di sebalik kejadian tujuh petala langit dan bumi dan peredaran siang dan malam itu ada tanda-tanda kebesaran dan keagungan Allah bagi mereka yang boleh berfikir."

Maksud 'mereka yang boleh berfikir' ialah dari frasa Arab: ***ulil-al-bab***. Kekata dasar Arab yang digunakan di sini bukan '***bab***' yang bererti pintu atau gerbang. Sebaliknya, yang dimaksudkan ialah '***lub***' yang membawa maksud 'lubuk jiwa' atau rahsia hati

yang seiras dengan istilah yang amat sering digunakan dalam tasawuf iaitu, '**sirr**'.

Dalam ayat tadi yang sering dibahaskan oleh para ulama tasawuf, antara lain ada dua makna yang tercerna:

- Sistem alam manusia atau dipanggil 'sistem suria' yang diaturkan begitu rupa sehingga cakerawala tidak berlanggar, siang dan malam berlaku akibat gerakan cakerawala. Ini semua diatur oleh Allah SWT atau dipanggil **sunnatullah**.
- Yang lebih menarik perhatian para ulama tasawuf ialah peranan golongan berfikir iaitu yang akal nya cuba meneroka rahsia ciptaan Allah termasuk hukum graviti, peredaran cakerawala dan sebagainya sambil terus berzikir kepadaNya.

Selepas ayat tadi, sambungannya pula Allah swt menyatakan dengan maksud bahawa golongan berfikir ini "berzikir semasa berdiri, rukuk dan berbaring". Sebenarnya kekata yang digunakan penuh perlambangan dan tidak dapat dihuraikan sekali gus di sini, tetapi yang nyata insan yang berakal itu hendaklah berfikir dalam rangka meneroka ilmu Allah swt, menilai keajaiban ciptaanNya. Sebagai khalifah (pengurus bumi), ia hendaklah menggunakan ilmu sebagai amanah tadi demi kebaikan semua ciptaanNya.

MENAKLUKI ROHANI

Menakluki rohani merupakan satu pencapaian penting seorang pengamal tasawuf. Pencapaian ini berlaku selepas melalui perjalanan rohani yang amat sukar lagi perih. Hati mesti ditakluki dalam setiap detik dan keadaan. Hanya dengan cara inilah insan dapat mengatasi sifat tabii atau semula jadinya iaitu 'lupa dan lalai'.

Tanpa 'lalai dan lupa', seseorang dapat melaksanakan suruhan dan larangan Allah swt atau diistilahkan dalam kalimat Quran, **amar ma'ruf nahi munkar**.

Amar ma'ruf atau perbuatan baik lebih mudah dilakukan berbanding dengan **nahi munkar**. Ini disebabkan perbuatan serong berlaku tanpa disedari kerana adanya unsur lupa menyelinap pada hati atau akal manusia. Keadaan ini dipanggil 'ingatan tidak mendalam'

[**Catatan:** Dalam ilmu jiwa atau psikologi, ingatan dianggap kesedaran atau *consciousness*. Manusia berada dalam keadaan sedar (*conscious*), bawah sedar (*sub-conscious*) atau tidak sedar (*unconscious*).]

Contoh: Apabila lampu trafik memancarkan warna merah, kenderaan berhenti. Apatah lagi jika kamera trafik terpasang. Pemandu menyedari ada undang-undang jalan raya dan ada pula 'mata' memerhatikan, jadi ia menghentikan kereta.

Pada hal, sebagai Muslim, kita sedar bahawa kita senantiasanya diperhatikan Allah *swt* dan para malaikatnya yang membuat catatan amal baik dan buruk kita. Namun kebanyakan manusia 'lupa' akan hakikat ini.

Teras tasawuf adalah ihsan yang didefinisikan oleh Rasulullah *saw* dalam sebuah hadis terkenal — *ihsan ialah seolah-olah kita melihat Allah swt dan jika tidak dapat berbuat demikian, kita tahu Allah melihat kita. Inilah juga yang dimaksudkan dengan melihat menggunakan mata hati atau bashirah.*

Kerana ihsanlah, maka kalangan ahli sufi menyebut bahawa ia tidak melihat di kanan, kiri, atas dan bawah sisinya selain daripada Allah *swt*.

PERATURAN ALLAH SWT

Dalam soal undang-undang manusia, senantiasanya ada lubang untuk dibolosi (loopholes) sehingga peguam yang licik dapat melepaskan penjenayah seperti dalam cerita mafia di Amerika Syarikat.

Sebaliknya terjadi dengan undang-undang Allah *swt*. Tiada satu makhluk pun yang terlepas daripada proses keadilan-Nya

pada akhirat. Saksi manusia bukan saja terdiri daripada para malaikat yang mencatat kebaikan dan keburukannya, bahkan kulit dan anggotanya dapat berkata-kata untuk mengesahkan atau menafikan dapatan yang sudah dirakamkan.

Tiada cacat dan cela pada undang-undang Allah *swt* berbanding dengan undang-undang manusia yang senantiasa berubah-ubah.

Sesungguhnya manusia tidak sunyi daripada berbuat kesilapan kepada Penciptanya. Demi mensucikan diri, Allah *swt* mengizinkan manusia bertaubat (kembali kepadaNya) dan memohon keampunanNya (**istighfar**). Oleh itu, ciri manusia yang berfikir ialah merenungi kesilapannya dan segera membetulkan diri.

Ganjaran bagi **ulil albab** ialah **makrifatullah** atau pengetahuan mengenai Allah. Sering hal ini dikaitkan dengan kononnya insan berfikir ini mempunyai kuasa untuk melihat keghaiban atau berinteraksi dengan benda-benda ghaib.

Dapat melihat benda ghaib hanyalah suatu pemberian daripada Allah *swt*. Hal ini berlaku kepada sesiapa saja menurut pilihan Allah. Hal ini tiada guna dibahaskan kerana Allah *swt* bebas memilih makhluknya.

Satu lagi perkara yang perlu dihindarkan ialah tanggapan (*notion*) bahawa makrifat adalah ilmu perkara-perkara pelik. Orang yang bertasawuf kononnya menghadap sangat akan ilmu sedemikian. Pada hal jika ahli tasawuf mendambakan sedemikian, ia tidak lagi **ikhlas**. Walhal, ikhlas merupakan sifat utama untuk mengenal Allah *swt*.

Jadi, dapat disimpulkan makrifat ialah imbalan kepada ulil albab. Mengetahui hubungan makhluk dan Khaliqnya merupakan satu ilmu yang tiada ternilai.

Proses makrifat akan membuat seseorang menyedari bahawa dirinya fana' atau lebur bak debu-debu yang merupakan asal kejadian manusia pertama.

Lihat sajalah taburan bintang pada malam yang cerah. Semua cakerawala yang bernyala (dipanggil bintang) bertaburan seperti debu. Bandingkan saiz bintang yang begitu besar berbanding dengan bumi, apatah lagi dengan diri kita. Nyatalah pada Penglihatan Khaliq, kita semua hanyalah debu-debu yang berterbangan.

Rasa lebur tadi membawa rasa lemah sehingga hilang segala daya upaya. Tingkat rasa (maqam) ini disebut **haqaulah** (dari kalimat yang dizikirkan iaitu **Laa Hawla Walaq Quwwata Illaa Billah**).

Rasa lemah mengecilkan manusia, dan jadilah ia insan dhaif (manusia kerdil — serba kekurangan dan kelemahan) apabila melihat jalinan hubungannya dengan Penciptanya.

Terdapat ungkapan sufi yang menceritakan ironi kelemahan tadi:

Lemah di sisi Allah

DiberkatiNya dengan kekuatan

Takbur di sisi Allah

DilimpahiNya dengan kelemahan

Ungkapan ini menceritakan rahsia atau **lub** pada diri **ulil albab** sehinggalah Allah **swt** jua yang menjaganya daripada kelalaian dan kealpaan. Tingkat ini dipanggil 'mahfuz' yang diberikan kepada manusia biasa (berbanding dengan ma'sum atau tingkat tanpa dosa yang diberikan Allah kepada para nabi-Nya.)

PELENGKAP ZIKR

Selawat adalah kalimat cinta dan pujian yang ditujukan kepada Nabi Muhammad **saw**, manusia unggul yang diberikan gelar Kekasih Allah. Baginda merupakan makhluk paling mulia

(*afdhalul makhlukat*) dan rahmat seluruh alam (*rahmatan lil 'alamin*) sehingga Allah *swt* dan para malaikatNya berselawat ke atas baginda. Quran menjelaskan bahawa Allah *swt* memerintahkan orang beriman agar berselawat kepada baginda.

Perintah selawat ini besar sekali ertinya. Solat merupakan penegak atau pendiri agama. Solat ialah hubungan tegak atau vertikal manusia dengan Penciptanya. Bahkan dalam solat, salah satu daripada lima rukun (perkara yang diwajibkan dan tidak sah solat tanpanya) ialah dengan berselawat pada bahagian tasyahhud sebelum salam pertama.

Pada hari kiamat, manusia meminta bantuan para rasul agar meminta Allah *swt* melaksanakan perhitungan atau perkiraan, **Hisab**. Selepas Nabi Adam dan satu persatu nabi yang menolak untuk berbuat demikian, maka sampailah giliran manusia meminta Nabi Muhammad *saw*. Ternyata penutup nabi inilah yang berjaya diperkenankan oleh Allah *swt*. Bantuan tadi dipanggil **syafa'at**.

Nabi Muhammad adalah 'pembantu' kepada umatnya. Oleh itu, selawat merupakan bantuan untuk menjadikan zikr lebih berkesan. Tegasnya, zikr dan selawat seiringan. Menyebut nama Muhammad dengan penuh hormat dan cinta kepadanya sudah merupakan sebahagian daripada selawat.

Kalimat zikir tertinggi ialah **La Ilaha Illallah** dan dilengkapkan dengan **Muhammad-ur-Rasullah** .

Terdapat pelbagai selawat dari yang mudah sehingga kepada yang berupa doa panjang. Sesungguhnya pada selawat, terdapat kesan penawar atau penyembuh yang membantu manusia dalam dalam proses atau kembara mengenali Penciptanya.

